

09/10/2002

Singapura minta pandangan Dr M kaedah tangani keganasan

KUALA LUMPUR, Selasa - Singapura meminta pandangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kaedah menangani keganasan untuk membebaskan rantau ini daripada ancaman itu kerana bimbang ia akan menjejaskan ekonomi serantau.

Perkara itu dinyatakan oleh Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, ketika mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir di pejabatnya di Putrajaya, hari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata kedua-dua pemimpin dalam pertemuan selama kira-kira 30 minit itu sepakat untuk terus menjalin kerjasama membanteras kumpulan pelampau di negara masing-masing.

"Goh memberitahu mengenai tindakan Singapura dan mahu pandangan Perdana Menteri kita bagaimana perkara ini dapat dijayakan dalam usaha untuk menentang kumpulan ganas secara bersama dalam konteks serantau dan dua hala.

"Dr Mahathir pula memberitahu tindakan yang diambil oleh Malaysia dan perkara-perkara yang telah kita lakukan. Kita sentiasa mempunyai hubungan yang baik dan erat dengan Singapura dalam usaha kita menangani kumpulan pelampau," katanya pada sidang akhbar di lobi Parlimen, petang ini.

Syed Hamid berkata, kedua-dua pemimpin itu bertukar pendapat dan pengalaman negara masing-masing dalam menangani kegiatan keganasan.

Katanya, Malaysia dan Singapura berminat terus menjalin kerjasama kerana bimbang jika keganasan tidak dapat bendung, ia boleh menjejaskan keamanan serta keselamatan bersama.

Singapura dilaporkan menahan 31 anggota Jemaah Islamiyah (JI) sejak Disember lalu kerana disyaki merancang kegiatan keganasan di republik itu. Antara agenda kumpulan itu ialah mengapi-apikan permusuhan kaum dan agama di Malaysia dan Singapura.